

Zurich Malaysia menyemarakkan keceriaan Ramadan dan Aidilfitri dengan menyalurkan lebih RM168,000 kepada komuniti yang memerlukan

Kuala Lumpur, 9 Mei 2023 – Bagi meraikan Aidilfitri berdasarkan tema Raya Zurich Malaysia “Meraikan Kebersamaan” (Embracing Togetherness), Zurich Malaysia (Zurich) telah menyalurkan lebih RM168,000 sokongan komuniti merentasi pelbagai organisasi tempatan. Inisiatif ini selari dengan komitmen berterusan Zurich terhadap #CareForWhatMatters, dan sumbangan tersebut mencerminkan usaha Zurich dalam bergerak melangkaui retorik dan mengambil tindakan yang bermakna untuk menyokong komuniti setempat.

Pada majlis Rumah Terbuka Raya Zurich pada 3 Mei (Rabu), Zurich telah menyerahkan RM60,000 sumbangan zakat kepada Masjid Jamek Abdullah Hukum, sebagai tugas menunaikan kewajipan korporat sebagai entiti perniagaan Islam melalui cabang Takaful Keluarga dan Am Zurich. Tambahan pula, satu sumbangan RM60,000 telah diagihkan semasa majlis Iftar Muzakki dengan Pusat Pungutan Zakat – RM40,000 untuk Rumah Amal Permata Hatiku dan Persatuan Pengajian Al-Quran Anak-anak Pekak, manakala RM20,000 lagi diagihkan sebagai duit raya kepada 100 anak yatim dan kanak-kanak berkeperluan khas dari kedua-dua organisasi tersebut.

Di samping itu, sokongan kewangan bernilai kira-kira RM23,000 turut disalurkan kepada program CSR pasca banjir Persatuan Takaful Malaysia (MTA), Takaful-4-All (T4A) di Tangkak, Johor.

Bagi mengiktiraf aktiviti kesukarelawanan dan sokongan komuniti yang dijalankan oleh warga Zurich Malaysia pada tahun 2022, Yayasan Z Zurich turut menyalurkan sumbangan kepada Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO) dan Yayasan Amal Budimas. Yayasan itu ditubuhkan oleh ahli-ahli Kumpulan Insurans Zurich serta selari dengan tujuan dan aspirasi kelestarian Zurich. Ia bertujuan memacu perubahan dan menggerakkan tindakan dalam menangani keperluan masyarakat kita yang paling mendesak, demi mencipta masa depan yang lebih cerah buat komuniti yang rentan.

Selain itu, pada 19 April (Rabu), Zurich juga telah memperluaskan jangkauan komuniti ke Pusat Jagaan Telaga Kasih Nur Muhammad, sebuah rumah dibiayai persendirian yang berpangkalan di Kota Damansara yang kini sedang menampung 35 anak yatim dan kanak-kanak kurang bernasib baik dengan keadaan keluarga yang malang. Pasukan Zurich telah menyumbang pelbagai barangan serta terlibat dalam pelbagai aktiviti yang menyeronokkan, diikuti dengan satu majlis berbuka puasa bersama kanak-kanak berkenaan.

Menurut Ketua Negara Zurich Malaysia, Junior Cho, “Kami di Zurich sentiasa mencari peluang untuk memberi semula kepada masyarakat. Keprihatinan terhadap perkara-perkara yang penting merupakan teras perjuangan kami, dan semoga sumbangan kami ini dapat menyokong mereka yang benar-benar memerlukannya dalam komuniti kita. Matlamat kami untuk bersama-sama mencipta masa depan yang lebih cerah tidak pernah berubah, dan sokongan komuniti kami sempena Raya tahun ini mencerminkan iltizam itu.”

Bersempena dengan musim perayaan ini, Zurich juga telah menerbitkan filem Raya-nya yang tersendiri, ‘Kepulangan’ yang mengisahkan bagaimana ikatan kekeluargaan yang utuh akan membolehkan kita meraikan kebersamaan dengan kepastian dan kedamaian. Filem ini boleh ditonton di saluran-saluran media sosial Zurich Malaysia, seperti [Youtube](#), [Facebook](#) dan [Instagram](#).

###

Nota kepada editor:

Mengenai Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan



juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.